

Infotani
panduan menanam
Kacang Panjang



Merumput

Kawalan rumput perlu dijalankan sepanjang masa untuk mengelakkan persaingan tanaman dengan rumput.

KAWALAN PENYAKIT DAN SERANGGA

Untuk kawalan ulat pengorek buah sembur jika perlu dengan racun serangga seperti carbaryl, 0.1% b.a.

Untuk kawalan bintik berpusar, sembur dengan mancozeb, 0.1% b.a.

MEMUNGUT HASIL

- Di Ladang
Pungutan hasil pertama ialah pada 6 minggu selepas menanam. Kutip kacang sebelum biji terbunjul. Kutip 2 hari sekali dalam masa 6 minggu. Hasil dianggarkan sebanyak 100 hingga 175 kg bagi 100 meter persegi. Dengan harga purata antara RM 4.00 – RM 6.00/kg.
- Dalam Pasu dan Bekas Bekas Lain,
Anggaran hasil ialah 0.5 kg sepokok

Jabatan Pertanian Malaysia
Ara 7-17, Lot 4G-2, Wisma Tani, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62632 Putrajaya
Tel : 03 8870 3000
Fax : 03 8870 3376
<http://www.doa.gov.my>

IT 24/02.06/40R


PENANAMAN

Penyediaan Tanah

- *Di Ladang*
Bajak dan gemburkan tanah sedalam 15cm ke 22 cm (6 ke 9 inci) supaya pertumbuhan akar baik. Sediakan batas berukuran 12m (4 kaki) lebar, 25cm (10 inci) tinggi dan panjangnya mengikut keadaan kawasan. Jarak antara batas ialah 60 cm (2 kaki). Gaulkan 50kg tali ayam reput ke dalam tanah bagi kawasan 100 meter persegi.

- *Dalam Pasu dan Bekas-Bekas Lain*

- Gurakan tanah campuran mengandungi 3 bahagian tanah, 1 bahagian tali ayam dan 1 bahagian pasir. Isikan pasu dengan tanah campuran tersebut sehingga 5cm dari permukaan pasu.



Menanam

- *Di Ladang*
Tanam 2 biji benih selubang dalam dua barisan dengan jarak 60cm (2 kaki) antara barisan dan 45cm (18 inci) antara pokok.

Setelah benih bercambah dan membesar tinggalkan 1 pokok selubang sahaja. Sebanyak 70g biji benih diperlukan untuk kawasan seluas 100 meter persegi (1000 kaki persegi)




- *Dalam Pasu dan Bekas-Bekas Lain*
Tanam 2 biji benih se dalam 2.5 cm (1inci). Selepas 2 minggu ditanam tinggalkan satu pokok sahaja dalam satu pasu.

Menyedia Junjung

- *Di Ladang*
Sokong anak-anak pokok yang berumur 3 minggu dengan menggunakan kayu pancang berukuran 2m (6.5 kaki). Cordongkan kayu-kayu sokongan supaya bertentangan dan ikat di bahagian atas. Lentangkan kayu-kayu pada tiap-tiap sudut yang bertemu. Pastikan anak-anak pokok meliliti kayu sokongan.



- *Dalam Pasu dan Bekas-Bekas Lain*
Gurakan kayu pancang berukuran 2m (6.5 kaki). Pastikan anak pokok meliliti kayu sokongan.



PENJAGAAN

Menyiram Air

Siram tanaman di ladang atau di pasu pada waktu pagi dan petang setiap hari kecuali hari hujan.

Membaja

- *Di Ladang*
Gurakan baja kimia NPK Blue Special (12:1:2:17:2) sebanyak 7 kg bagi setiap 100 m (1000 kaki) persegi. Baja ini dibahagi kepada 3 kali pembajaan iaitu pada minggu ke-2, 4 dan 7 selepas menanam.
- *Dalam Pasu dan Bekas Lain*
Tabur 1 sudu teh (5g) baja NPK Blue Special (12: 12: 17: 2) sepasu setiap minggu.